

Walau diserang pelbagai fitnah

Demokrasi

BH 1 - SEP 1988

kekal: PM

David S. S. S.
NEW YORK, Jumaat — Malaysia akan kekal menjadi negara demokrasi yang berpandangan jauh, stabil dan berkembang maju walaupun pelbagai tuduhan buruk dilemparkan kepadanya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Malaysia hari ini tidak berbeza dengan Malaysia dahulu dan akan terus bersikap adil terhadap semua kaum dan tidak bersikap antibangsa asing.

"Malaysia juga akan terus menguruskan ekonomi dan kewangannya dengan baik dan bersifat sederhana dalam pandangan antarabangsa," katanya ketika berucap dalam pertemuan dengan anggota Majlis Perhubungan Luar di sini — sebuah badan bebas dianggotai oleh ahli perniagaan dan politik terkemuka Amerika Syarikat — hari ini.

Daripada AHMAD NAZRI ABDULLAH

Menurut Perdana Menteri, Malaysia selalu dituduh tidak mengamalkan demokrasi kerana mempunyai kuasa menahan rakyat tanpa bicara mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri, tetapi apabila sebahagian besar tahanan akta itu dibebaskan, dan ia juga kurang digunakan berbanding oleh kerajaan sebelumnya, kerajaan sekarang tetap dianggap lebih buruk daripada kerajaan yang lepas.

TEKS PENUH UCAPAN PM — Muka 10

Beliau berkata, jika pihak yang menuduh Malaysia tidak demokratik itu menyemak fakta dan tidak hanya mendengar cerita segelintir orang yang tidak puas hati dengan kerajaan, mereka akan tahu keadaan sebenar.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kebanyakan majalah antarabangsa menggambarkan Malaysia menindas rak-

yat keturunan Cina dan India dari sejak zaman Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri, tetapi anehnya kaum itu dari negara lain sanggup menyeludup dan membayar wang untuk menjadi warganegara Malaysia.

"Memang sesetengah rakyat Malaysia keturunan Cina berhijrah sepanjang masa, tetapi bukan kerana ditindas dan penghijrahan itu tidak hanya berlaku di Malaysia, malah berlaku juga di Singapura yang diperintah oleh kaum itu, Hong Kong, Taiwan dan Republik Rakyat China.

"Oleh itu, jelas penghijrahan rakyat Malaysia keturunan Cina bersama wang mereka akan terus berlaku sepanjang masa, dan mereka akan terus berbuat demikian tidak kira siapa menjadi Perdana Menteri," katanya.

Mengenai cakap-cakap di arena antarabangsa yang mengatakan Malaysia menuju ke arah pemerintahan diktator, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ia dimulakan oleh sekumpulan orang yang kalah dalam pertandingan merebut pucuk pimpinan parti.